

Syarikat tempatan digesa memandang jauh dalam merancang strategi korporat

BANDAR DARULAMAN (Kedah) 16 Jan. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata syarikat-syarikat tempatan perlu memandang jauh dalam merancang strategi korporat jangka panjang masing-masing.

Ini kerana senario perdagangan antarabangsa akan bertukar wajah selaras dengan perkembangan dan pergolakan politik semasa dunia, kata beliau.

Bagi memastikan penyertaan yang lebih bermakna oleh syarikat-syarikat tempatan dalam arena perdagangan antarabangsa menjelang tahun 2000, proses pelbagaian dalam industri adalah penting.

"Adalah malang sekali jika kita berpeluk tubuh membiarkan syarikat-syarikat asing menggunakan sumber tempatan dan mendapat keuntungan daripadanya," katanya ketika berucap merasmikan kilang Takagi (M) Sendirian Berhad yang mengeluarkan barang-barang perhiasan dari seramik di sini hari ini.

Mengenai industri seramik, Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa mengalu-alukan kedatangan pengusaha-pengusaha luar untuk memainkan peranan mereka sebagai pelopor dalam industri baru itu.

Ini sekaligus akan menjadi pendorong bukan sahaja kepada syarikat asing lain tetapi juga membuka mata syarikat tempatan kepada peluang-peluang yang wujud dalam sektor pembuatan, ujar Dato' Sri Dr. Mahathir.

Beliau juga menegaskan tindakan segera perlu diambil untuk memastikan Pusat Teknologi Seramik (CTC) yang dipelopori oleh Kerajaan Negeri Perak menjadi realiti secepat mungkin.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa industri seramik di negara ini harus diberi tumpuan serta bimbingan yang serius kerana negara mempunyai sumber 'kaolin' iaitu bahan utama dalam pembuatan barangan tembikar.

Beliau difahamkan bahan utama itu banyak terdapat di Bidor, Tapah Negeri Perak, di Jemaluang Johor dan Sarawak.

di pasaran dunia dan hakikat itu tidak boleh dipandang ringan.

Perdana Menteri juga memuji Syarikat Takagi yang begitu ya-

kin dengan masa depannya dan tidak mengikut jejak syarikat-syarikat lain yang hanya mendirikan kilang mereka di kawasan-kawasan yang telah maju.

Beliau yakin dengan adanya infrastruktur serta kemudahan sokongan seperti kawasan perindustrian khusus untuk industri seramik dan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D), ia akan mencerminkan komitmen kerajaan kepada kemajuan dan perkembangan industri itu.

Katanya, adalah satu perkembangan yang menggalakkan bahawa industri barangan seramik kini telah mula bertapak di Malaysia secara besar-besaran.

Pelaburan modal di dalam industri ini sejak tahun 1980 hingga November 1991 berjumlah \$166.4 juta dan daripada jumlah itu \$118.5 juta atau 71.2 peratus adalah sumbangan pelaburan asing terutama Jepun, kata Perdana Menteri.

Menurutnya, walaupun angka itu agak kecil jika dibandingkan dengan pelaburan dalam industri lain, kesannya adalah besar di samping mengharumkan negara